



## SIARAN AKHBAR

### MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN ASEAN KE-29

**Isnin, 21 Safar 1446H bersamaan dengan 26 Ogos 2024**  
**Rizqun International Hotel**  
**Negara Brunei Darussalam**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian [WC-PSS] ASEAN Ke-29 pada hari Isnin, 26 Ogos 2024 di Rizqun International Hotel, Negara Brunei Darussalam.
2. Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh BDCB dan Bank Negara Malaysia [BNM] ini telah diadakan secara hibrid. Mesyuarat telah dihadiri oleh wakil-wakil dari BDCB, National Bank of Cambodia, Bank Indonesia, Bank of the Lao PDR, BNM, Central Bank of Myanmar, Bangko Sentral ng Pilipinas, Monetary Authority of Singapore, Bank of Thailand, State Bank of Vietnam dan turut disertai oleh wakil-wakil dari Ant International, ASEAN-USAID Partnership Program, BIS Innovation Hub Singapore Centre dan ASEAN Bankers Association.
3. WC-PSS merupakan sebuah jawatankuasa kerja ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 2010 dengan tujuan untuk membuat kaji selidik dan memberi cadangan mengenai dasar pembangunan, kerjasama dan penyalaran berkaitan dengan sistem pembayaran dan penyelesaian di kalangan ASEAN untuk mendokong ASEAN Economic Community. Pada masa ini, fokus WC-PSS ditumpukan kepada jalinan pembayaran rentas sempadan, terutamanya bagi sistem pembayaran masa nyata.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 21 Safar 1446H / 26 Ogos 2024M  
Ruj: BDCB/COMMS/3